# S'gor akan buat pembenihan awan di kawasan IPU lebih 200

Bernama | Diterbitkan Hari ini 8:29 pagi




Kerajaan Selangor mengambil ketetapan untuk melaksanakan operasi pembenihan awan di kawasan dilanda jerebu yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 200, iaitu tahap sangat tidak sihat.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian dalam satu kenyataan berkata langkah itu dipersetujui semasa Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) semalam.

Beliau berkata Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah dan negeri juga diaktifkan apabila IPU mencatatkan bacaan antara 151 hingga 200 iaitu tahap tidak sihat melebihi 24 jam selain kerajaan negeri akan membekalkan 'dust mask' kepada orang awam.

"Semua sekolah, tadika dan taska diarah tutup dengan serta merta apabila IPU mencatatkan bacaan melebihi 200 setelah mendapat pengesahan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

"Bagi menangani isu pembakaran terbuka dan jerebu yang melanda Selangor kini, kerajaan negeri akan menggunapakai Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim," katanya dalam satu kenyataan, di Shah Alam semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan orang ramai supaya mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan tidak melakukan pembakaran terbuka ketika musim jerebu kini.